

PETALING JAYA, 29 MAC (BERNAMA)—TINDBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENOLAK ANGGAPAN YANG MENGE-LIRUKAN IAHAWA SETENGAH-SERINGAN KUMPULAN ETHNIK DI MALAYSIA KURANG BERKEUPAYAAN ATAU KURANG PRODAKTIF DARIPADA YANG LAIN -LAIN KERANA LATAR BELAKANG MEREKA.

KATANYA, ANGGAPAN YANG MENGELOMPOKAN INI AMAT BERBAHAYA DAN SERINGKALI DIBUKTIKAN IA TIDAK BENAR.

"SAYA TELAH MENERIMA LAPURAN DARI SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERPUAS HATI, SETENGAHNYA DI LUARBANDAR YANG MEMPUNYAI TENAGA BURUH YANG TIDAK SOPHISTICATED, BAHAWA DENGAN LATIHAN YANG SEMPURNA, TENAGA BURUH ITU DIBUKTIKAN DATAP MENYESUAIKAN DIRI DAN BERDISIPLIN SERTA TEKUN DAN RAJIN SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT ITU." TAMBAHNYA.

TEGASNYA, DI MALAYSIA, TENAGA BURUH SENTIASA ADA, DAN APA JUA LATAR BELAKANG ATAU DARI KUMPULAN ETHNIK MANA TENAGA BURUH ITU DATANG, PADA KESELURUHANNYA MEREKA ADALAH PEKERJA YANG BAIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN DAN PERBINCANGAN PER-SATUAN DAYA PENGELUARAN MALAYSIA PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA ATAS TAJUK "SUASANA PELABURAN DI MALAYSIA."

TIMBALAN PERDANA MENTERI SEBELUMNYA TELAH MENGARISKAN BEBERAPA FAKTOR PENTING YANG MEMBERI SUMBANGAN KEARAH SUASANA PELABURAN YANG BAIK DI NEGARA INI.

—BERSAMBUNG HM 2235

## MAHATHIR 2 PETALING JAYA

DIANTARA FAKTOR ITU IALAH DASAR KERAJAAN YANG TIDAK MENGHALANG PELABURAN WALAUPUN DASAR ITU SENDIRI BELUM BEGITU BERGUNA DALAM MEWUJUDKAN SUASANA BAIK UNTUK PELABURAN.

DASAR HENDAKLAH DITAKRIFKAN DARI SEGI PREKTIKALNYA, TAMBAHNYA.

DASAR-DASAR UNTUK MENGGALAKKAN PELABURAN MESTILAH DISESUAIKAN DENGAN KEPERLUAN-KEPERLUAN SUPAYA MATLAMAT KERAJAAN MENGGALAKKAN KEPENTINGAN NEGARA DAN RAKYAT DATAP DICAPAI, KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, UNDANG-UNDANG YANG DIRANGKA DAN DIKUATKUASAKAN MEMBERI KESAN KEPADA SUASANA PELABURAN YANG MUNGKIN BAIK ATAU TIDAK BAIK, BUKAN SEMATA-MATA KERANA UNDANG-UNDANG ITU UNTUK MENGGALAK ATAU MENYEKAT, TETAPI JUGA DISEBABKAN RUMAH BENTUK PELABURAN ITU SENDIRI.

DARI ITU, UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN TARIF DAN TARAF PERINTIS HANYA AKAN BERMAKNA SEKIRANYA IA MEMBERI KEBAIKAN KEPADA SEJUMLAH RAKYAT.

SATU LAGI FAKTOR IALAH MEMBAIKI MASALAH DAN KEPINCANGAN

SOSIAL.

"AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN SELALU DITUDUH MERUSAKKAN SUASANA PELABURAN. TETAPI SEBALIKNYA, JIKA TIDAK ADA AKTA ITU, MUNGKIN TIMBUL RIAKSI DARI SEGOLONGAN RAKYAT, YANG BUKAN SAJA BUKAN MERUSAKKAN SUASANA PELABURAN, BAHKAN JUGA MENGHANCURKANNYA SAMPAI SEKALI.

—BERSAMBUNG HM 2240

### MAHATHIR 3 PETALING JAYA

OLEH ITU, SATU DASAR UNTUK MENGGALAKKAN PELABURAN HANYA BOLEH MEMBERI ERTI JIKA PENAKRIFANNYA DARI SEGI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN, TIDAK BEGITU TERIKAT.

PELAKSANAAN DASAR-DASAR KERAJAAN DAN UNDANG-UNDANG BERGAMBAR ERTI KATA YANG SEBENARNYA, JUGA BOLEH MEMBERI SUMBANGAN BESAR DALAM MEWUJUDKAN SUASANA BAIK PELABURAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, UNDANG-UNDANG YANG BAIK MENJADI TIDAK BAIK KERANA PELAKSANAANNYA.

MENURUTNYA, SATU PENTADBIRAN YANG BAIK YANG MEMAHAMI DASAR-DASAR KERAJAAN DAN UNDANG-UNDANG SERTA MENGUATKAN -SAKANNYA DENGAN CARA YANG PRAGMATIK, TEGAS TETAPI ADIL, AKAN MEMBERI SUMBANGAN KEARAH MEWUJUDKAN SUASANA BAIK PELABURAN.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG BAIK MESTILAH DIPERUNTUKKAN YANG BUKAN SAJA MENGGALAKKAN PENUBUHAN PERINDUSTRIAN, TETAPI JUGA MEBUKTIKAN DENGAN JELAS TANGGUNGJAWAB KERAJAAN DALAM MENGGALAKKAN PELABURAN.

SUASANA POLITIK YANG STABIL JUGA PENTING.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, KERAJAAN YANG PRO-PELABURAN MESTILAH STABIL DAN KUKUH UNTUK IA DAPAT MEMBERI SUMBANGAN MEWUJUDKAN SUASANA PELABURAN YANG BAIK.

££

B687

MAHATHIR 4 PETALING JAYA

—BERSAMBUNG HM 1057

KESTABILAN EKONOMI JUGA PENTING KERANA EKONOMI YANG STABIL DAN BERKEMBANG AKAN MEMBERI KEYAKINAN KEPADA PARA PELABUR.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEKANKAN BAHAWA DAYA PENGELUARAN ADALAH PERKARA YANG PALING PENTING KEPADA KEUNTUNGAN YANG DIIDAM-IDAMKAN OLEH SEMUA PELABUR, BERKAITAN SECARA LANGSUNG DENGAN DAYA PENGELUARAN.

"SUDAH JELAS BAHAWA SUASANA YANG MENGGALAKKAN DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI, AKAN MEMBERI SUMBANGAN KEARAH MEWUJUDKAN SUASANA BAIK PELABURAN. JIKA DAYA PENGELUARAN KURANG, PELABURAN JAMAH AKAN KURANG." TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGGESA KEDUA-DUA PERSATUAN DAYA PENGELUARAN MALAYSIA DAN PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA BERUSAMA LEBIH GIGIH UNTUK MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN NEGARA.

MEREKA BOLEH MEMULAKAN TUGAS INI SECARA KECILAN DENGAN MENGADAKAN KEMPEN UNTUK MENYEDARKAN SEMUA PIHAK PENGURAN DI MALAYSIA TENTANG HAKIKAT BAHAWA DAYA PENGELUARAN ADALAH TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN ADA CARA-CARA UNTUK MEMBAIKI DAN MENGUKUHKANNYA.

KEMPEN ITU BOLEH JUGA DITUJUKAN KEPADA TENAGA BRUH DI NEGARA INI DENGAN MENANAMKAN PERASAAN BANGGA DALAM DAYA PENGELUARAN MEREKA DAN MEMUPUK CITA-CITA UNTUK LEBIH MAJU LAGI, TAMBAHNYA.

4